

23/04/1997

Rakyat teringat peristiwa pelantikan MB 1986

Razali Zakaria

APABILA Sultan Selangor dilaporkan tidak berapa berkenan dengan beberapa nama calon Menteri Besar yang disebut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pertemuan mereka, Isnin lalu, rakyat Selangor teringat kembali peristiwa 1986.

Ketika itu, Perdana Menteri mengunjungi Sultan Selangor untuk mendapat pekenan bagi melantik Tan Sri Muhammad Muhd Taib menggantikan Datuk Ahmad Razali Mohd Ali sebagai Menteri Besar, tetapi Sultan dikatakan tidak memberi pekenan.

Namun, menerusi kebijaksanaan Perdana Menteri serta pengalaman Sultan, masalah itu ditangani dengan baik, sekali gus mengelak krisis istana dan eksekutif.

Pokoknya, bukan senang memilih Menteri Besar, apatah lagi bagi sebuah negeri yang sedang membangun dengan pesat. Sudah pastilah orang yang hendak dipilih menduduki kerusi itu bukan calang-calang, dan orang yang membuat pemilihan itu pula bukan orang sebarangan.

Sangkaan ramai bahawa Dr Mahathir akan mengumumkan siapa bakal pengganti Muhammad, selepas menemui Sultan Selangor Isnin lalu, ternyata meleset. Perdana Menteri sebaliknya, menyatakan bahawa pengumuman mengenai pengganti Muhammad tidak akan dibuat pada masa ini kerana tapisan, kajian dan siasatan perlu dilakukan lebih lanjut.

Itu jugalah yang dikehendaki Sultan Selangor dalam pertemuan Isnin lalu di Istana Selangor. Sultan mahukan orang yang bakal memimpin negeri itu mesti berpengalaman, jujur dan bersih.

Mengikut laporan akhbar, Sultan Selangor tidak bersetuju dengan senarai calon yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, manakala Dr Mahathir ketika bercakap kepada pemberita berkata, beliau tidak mengemukakan senarai calon.

Perdana Menteri sememangnya tidak menunjukkan senarai calon kepada Sultan Selangor, tetapi dikatakan menyebut secara lisan beberapa nama wakil rakyat yang difikirkan layak dipertimbangkan.

Perlu diketahui bahawa Perlembagaan Tubuh Kerajaan Negeri Selangor berbeza dengan perlembagaan negeri lain. Bagi Selangor, Sultan mempunyai kuasa untuk berbincang dengan Perdana Menteri dan melantik siapa yang akan mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sebab itu, Perdana Menteri berjumpa Sultan Selangor untuk berbincang mengenai pelantikan itu. Apabila kedua-duanya berpuas hati dengan calon yang sudah disiasat dan didapati bersih serta jujur, baru pelantikan dibuat.

Dalam hal ini, apabila Sultan Selangor dilaporkan tidak bersetuju dengan beberapa calon yang disebut oleh Dr Mahathir dan meminta diselidiki serta ditapis lagi, tidak bermakna Dr Mahathir tiada kuasa membuat keputusan, begitu juga Sultan Selangor.

Ketika menemui semua Ahli Exco Negeri Selangor di pejabatnya Isnin lalu, beliau meminta mereka serta rakyat Selangor bersabar dan meneruskan tugas harian seperti biasa. Barisan Exco yang mempunyai portfolio masing-masing masih boleh menjalankan urusan pentadbiran seperti biasa.

Setiap Ahli Exco itu ditanya sama ada bersetuju menyerahkan tugas memilih pemimpin itu kepada beliau dan menerima saja siapa yang beliau pilih sebagai Menteri Besar Selangor. Semua Ahli Exco itu menjawab: "Kami menyerahkan urusan pelantikan itu kepada Yang Amat Berhormat dan kami menerima siapa saja yang Yang Amat Berhormat pilih."

Ternyata, keputusan itu menunjukkan Dr Mahathir tidak mudah melatah seperti pihak lain apabila khabar angin bertiup kencang bahawa nama mereka adalah antara yang disebut-sebut bakal menduduki kerusi eksekutif tertinggi peringkat negeri.

Memilih Menteri Besar Selangor bukannya mudah. Kata perpatah, hanya jauhari yang kenal manikam. Biarlah Perdana Menteri membuat pemerhatian secara teliti terlebih dulu, tanpa terburu-buru.

Dr Mahathir boleh mengambil masa sehingga 28 hari untuk melantik Menteri Besar Selangor keenam. Beliau tidak perlu terburu-buru kerana Selangor mempunyai ramai pemimpin berwibawa, termasuk mereka yang mempunyai ijazah Ph.D, Sarjana dan Sarjana Muda.

Rakyat Selangor perlu bersabar dan meletakkan keyakinan kepada Perdana Menteri. Semua maklumat mengenai calon Menteri Besar dikumpul, dikaji, ditapis dan dianalisis terlebih dahulu.

Dalam pertemuan dengan Ahli Exco Selangor (secara umumnya mewakili rakyat Selangor) Perdana Menteri meminta supaya beliau diberi masa untuk memilih selain menasihatkan supaya tiada siapa yang ghairah berbuat sesuatu yang boleh menjejaskan usahanya memilih pengganti Muhammad.

"He is a very smart man. We admire the way he thinks," kata seorang Ahli Exco Negeri Selangor apabila ditanya mengenai pertemuan dengan Perdana Menteri.

Sesungguhnya, Selangor adalah sebuah negeri yang sedang pantas bergerak ke depan dan pemimpin yang akan menerajuinya pula sepatutnya mempunyai misi dan wawasan yang boleh dikongsi bersama rakyat.

(END)